

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status pelaksanaan Jalan Balau - Banting di Parlimen Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Jalan dari Bukit Balau ke Banting, Sri Aman, Sarawak telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) dengan kos keseluruhan berjumlah RM56.0 juta. Skop projek ini adalah membina jalan sepanjang 9.41 km dengan spesifikasi JKR R2 dan sebuah jambatan konkrit sepanjang 90 meter menyeberangi Sungai Klauh. Status semasa bagi projek ini adalah di peringkat perolehan dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada bulan November 2020.